
International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 2129-2144



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)
https://gaexcellence.com/ijepc

FENOMENA *MAN-CHILD* DAN IMPLIKASINYA TERHADAP KEHARMONIAN RUMAH TANGGA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

THE MAN-CHILD PHENOMENON AND ITS IMPLICATIONS FOR HOUSEHOLD HARMONY FROM AN ISLAMIC PERSPECTIVE

Siti Aisyah Yusof [1]*, Muhammad Saiful Islami Mohd Taher[2], Sakinatul Raadiyah Abdullah[3], Ahmad Yumni Abu Bakar [4], Norhasnira Ibrahim[5]

[1]Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kedah, Malaysia
aisyah421@uitm.edu.my https://orcid.org/0009-0006-8599-4930
[2]Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kedah, Malaysia
msaiful0860@uitm.edu.my https://orcid.org/0009-0008-6668-1810
[3]Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kedah, Malaysia
sakinatulraadiyah@uitm.edu.my https://orcid.org/0009-0007-1246-4741
[4]Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kedah, Malaysia
yumni705@uitm.edu.my https://orcid.org/0009-0007-7926-1076
[5]Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
norhasnira@usim.edu.my https://orcid.org/0000-0003-1322-7805
*Corresponding Author

Article Info:

Article history:
Received date: 30.07.2026
Revised date: 20.08.2026
Accepted date: 24.09.2026
Published date: 30.09.2026

Abstrak:

Fenomena ketidakmatangan lelaki dewasa dalam rumah tangga yang sering dirujuk sebagai *man-child* dan mempunyai pertalian konseptual dengan *Peter Pan Syndrome* semakin mendapat perhatian kerana kesannya terhadap pelaksanaan tanggungjawab keluarga. Kajian ini bertujuan menganalisis fenomena *man-child* dan implikasinya terhadap kebertanggungjawaban suami serta keharmonian rumah tangga menurut perspektif Islam, di samping menilai kesesuaian Inisiatif Lelaki Qawwam (ILQ) sebagai kerangka pemerkasaan lelaki. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen yang melibatkan karya akademik, dokumen institusi dan sumber Islam berkaitan ketidakmatangan lelaki, tanggungjawab perkahwinan, *qiwamah* dan pembangunan keluarga Muslim. Analisis tematik

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 2129-2144

To cite this document:

Yusof, S. A., Taher, M. S. I. M., Abdullah, S. R., Bakar, A. Y. A., & Ibrahim, N. (2026). Fenomena *Man-Child* Dan Implikasinya Terhadap Keharmonian Rumah Tangga Menurut Perspektif Islam. *International Journal of Education, Psychology and Counselling, 11*(64), 2129-2144.

digunakan untuk mengenal pasti pola utama dalam sumber yang dipilih. Dapatan menunjukkan bahawa manifestasi man-child dalam konteks rumah tangga dapat dihuraikan melalui tiga dimensi utama iaitu ketidakmatangan emosi, kebergantungan domestik dan keculasan dalam aspek kewangan serta nafkah. Dari perspektif Islam, pola tersebut berpotensi menjejaskan pelaksanaan *qiwamah* kerana kepemimpinan suami berkait rapat dengan amanah, perlindungan, nafkah, pendidikan dan *husn al-mu'asyarah*. Implikasi yang dikenal pasti merangkumi ketidakseimbangan beban rumah tangga, tekanan psikososial pasangan, kerentanan ekonomi keluarga dan berkurangnya fungsi bapa sebagai teladan kepada anak-anak. Kajian turut menunjukkan bahawa tujuh ciri Lelaki *Qawwam* yang digariskan JAKIM iaitu adil, perkasa, amanah, wibawa, tekad, penyantun dan futuristik boleh digunakan sebagai kerangka konseptual untuk memetakan keperluan pemerkasaan lelaki dalam menangani pola ketidakmatangan tersebut. Walau bagaimanapun, ILQ wajar dilihat sebagai kerangka pemerkasaan dan pencegahan, bukan sebagai intervensi klinikal terhadap sindrom psikologi. Kajian ini menyumbang kepada perbincangan dengan menghubungkan fenomena *man-child*, *qiwamah* dan ILQ dalam konteks keluarga Muslim di Malaysia.

DOI: 10.35631/IJEPC.1164118

Kata Kunci:

Keharmonian Rumah Tangga, Lelaki *Qawwam*, *Man-Child*, Nafkah, *Peter Pan Syndrome*, *Qiwamah*

Abstract:

Male emotional, social and financial immaturity in marriage often described as the man-child phenomenon and conceptually related to Peter Pan Syndrome, has implications for the fulfilment of family responsibilities. This study aims to analyse the man-child phenomenon and its implications for husbands' responsibilities and household harmony from an Islamic perspective, while examining the suitability of the Lelaki Qawwam Initiative (ILQ) as a framework for male empowerment. A qualitative approach was employed through document analysis involving academic literature, institutional documents and Islamic sources concerning male immaturity, marital responsibilities, *qiwamah* and Muslim family development. The documents were analysed thematically to identify recurring patterns. The findings indicate that the man-child phenomenon in marriage can be understood through three major dimensions: emotional immaturity, excessive domestic dependency and negligence in financial and *nafaqah* responsibilities. From an Islamic perspective, these patterns may undermine the fulfilment of qiwamah because marital leadership is closely associated with trust, protection, provision, education and *husn al-mu'asharah*. The implications include unequal household burdens, psychosocial strain on spouses, family economic vulnerability and reduced paternal functioning as a source of guidance and modelling for children. The study further indicates that the seven characteristics of Lelaki Qawwam identified by JAKIM namely just, resilient, trustworthy, authoritative, determined, compassionate and future-oriented may serve as a conceptual framework for strengthening men's family roles. However, ILQ should be understood as an empowerment and preventive framework rather than a clinical intervention for a psychological syndrome. The study contributes by connecting the man-child phenomenon, *qiwamah* and ILQ within the context of Muslim families in Malaysia.

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 2129-2144

© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijepc@gaexcllence.com

Keyword:

Household Harmony; Lelaki Qawwam; *Man-Child*; *Nafaqah*; *Peter Pan Syndrome*; *Qiwamah*.

Pendahuluan

Institusi keluarga merupakan salah satu asas penting dalam pembentukan masyarakat (Al-Khin, M., Al-Bugha, M., & Asy-Syarbaji, A., 2005). Dalam Islam, perkahwinan bukan sekadar hubungan antara dua individu tetapi suatu amanah yang mengandungi hak, tanggungjawab dan kewajipan moral antara suami, isteri dan anak-anak. Keharmonian rumah tangga berkait dengan pemeliharaan *sakinah, mawaddah* dan *rahmah* serta keupayaan pasangan melaksanakan tanggungjawab secara seimbang (Musthapar & Ahmad, 2022). Dalam kerangka ini, kegagalan salah satu pihak melaksanakan amanah perkahwinan boleh mewujudkan ketegangan hubungan dan menjejaskan kestabilan keluarga.

Perubahan sosial dan tuntutan kehidupan kontemporari turut memperlihatkan bentuk baharu ketidakmatangan dalam kalangan lelaki dewasa. Antara pola yang sering dibincangkan ialah pengelakan tanggungjawab, kebergantungan kepada pasangan, kelemahan mengurus emosi serta kecuaian dalam urusan domestik dan kewangan. Dalam literatur popular, pola ini sering disebut sebagai *man-child* atau *Peter Pan Syndrome*. Kiley (1983) menggunakan istilah *Peter Pan Syndrome* untuk menghuraikan kecenderungan individu dewasa mengelakkan tuntutan kehidupan dewasa. Dalam kajian ini, istilah *man-child* digunakan secara deskriptif untuk merujuk kepada pola tingkah laku lelaki dewasa yang menunjukkan defisit kebertanggungjawaban dalam melaksanakan fungsi kedewasaan, khususnya dalam konteks perkahwinan.

Perbincangan mengenai fenomena ini menjadi lebih signifikan apabila dikaitkan dengan tanggungjawab suami dalam keluarga Muslim. Data rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan bahawa jumlah perceraian di Malaysia ialah 57,835 kes pada 2023, manakala perceraian Muslim berjumlah 44,322 kes. Angka ini tidak membuktikan bahawa man-child menjadi punca perceraian tetapi memberikan konteks bahawa kestabilan perkahwinan merupakan isu sosial yang perlu diberikan perhatian secara berterusan (Department of Statistics Malaysia, 2024).

Terdapat beberapa kajian terdahulu yang membincangkan tanggungjawab rumah tangga, hubungan suami isteri, nafkah dan konsep *qiwamah.* Menurut kajian komprehensif oleh Zakaria et al. (2023), isu kebertanggungjawaban memegang peranan mutlak sebagai pencetus utama konflik rumah tangga umat Islam di Malaysia. Dapatan ini disokong secara empirikal melalui data Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM) di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sepanjang tempoh 2018 hingga 2022 yang merekodkan sebanyak 126,635 aduan berasaskan isu ini. Pasangan yang gagal menterjemahkan tuntutan perkahwinan kepada komitmen praktikal seperti penyediaan nafkah, sokongan emosi dan penjagaan anak-anak mewujudkan ketidakseimbangan peranan yang kronik dalam struktur domestik.

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 2129-2144

Dapatan ini selari dengan kajian-kajian terdahulu yang melihat isu kebertanggungjawaban daripada lensa fasa awal perkahwinan. Sebagai contoh, Sulaiman M.F., & Nasohah Z. (2023) dalam kajian sorotan literatur mereka mengenai perceraian awal perkahwinan, menegaskan bahawa kegagalan menunaikan tanggungjawab keluarga merupakan punca paling dominan yang merobohkan rumah tangga terutamanya bagi pasangan yang baru membina perkahwinan dalam tempoh satu hingga lima tahun. Kebanyakan isu berakar umbi daripada keengganan suami memberikan nafkah zahir serta ketiadaan toleransi dalam perkongsian beban tugas harian di rumah sekali gus meletakkan bebanan mutlak kepada satu pihak (biasanya isteri).

Walau bagaimanapun, terdapat ruang untuk menghubungkan pola ketidakmatangan lelaki dewasa dengan pelaksanaan *qiwamah* dalam konteks keluarga Muslim di Malaysia. Pada masa yang sama, Inisiatif Lelaki Qawwam (ILQ) JAKIM telah menyediakan kerangka pemerkasaan yang menekankan ciri adil, perkasa, amanah, wibawa, tekad, penyantun dan futuristik (JAKIM, 2023). JAKIM menjelaskan bahawa ILQ dibangunkan untuk memperkukuh tanggungjawab serta peranan lelaki dalam mentadbir diri, keluarga, organisasi dan masyarakat (JAKIM, 2022). Berdasarkan jurang tersebut, kajian ini meneliti tiga persoalan utama: (i) apakah bentuk manifestasi *man-child* dalam konteks rumah tangga; (ii) bagaimanakah pola tersebut boleh difahami dari perspektif *qiwamah* dan kebertanggungjawaban Islam; dan (iii) bagaimanakah kerangka Lelaki Qawwam boleh digunakan sebagai pendekatan pemerkasaan. Perbincangan ini diharapkan dapat memperluas wacana tentang pembangunan peranan lelaki dalam keluarga Muslim tanpa menyamakan *man-child* dengan diagnosis klinikal atau membuat tuntutan sebab-akibat yang tidak disokong oleh sebarang kajian.

Oleh itu, kajian mengenai bagaimana sifat *man-child* mempengaruhi keharmonian keluarga menurut perspektif Islam serta pendekatan solusi untuk menanganinya adalah wajar untuk dibincangkan.

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen. Pendekatan ini dipilih kerana fokus kajian adalah untuk memahami konsep, pola tingkah laku, prinsip kebertanggungjawaban dan kerangka pemerkasaan berdasarkan sumber-sumber yang telah diterbitkan. Sumber dianalisis secara bertemakan untuk mengenal pasti persamaan, perbezaan dan hubungan konseptual antara fenomena *man-child, qiwamah* dan Lelaki Qawwam.
Sumber kajian terdiri daripada empat kelompok utama:

- Karya akademik berkaitan *man-child, Peter Pan Syndrome*, ketidakmatangan lelaki dan hubungan perkahwinan.
- Kajian berkaitan *qiwamah*, tanggungjawab suami, nafkah dan hubungan suami isteri dalam keluarga Islam.
- Dokumen rasmi JAKIM dan agensi kerajaan berkaitan keluarga, Lelaki Qawwam serta statistik perkahwinan dan perceraian.
- Sumber Islam khususnya ayat al-Quran dan hadis yang berkaitan dengan kepemimpinan, nafkah dan amanah.

Proses analisis melibatkan tiga langkah. Pertama, sumber dikenal pasti berdasarkan kaitannya dengan persoalan kajian. Kedua, maklumat diekstrak dan dikelompokkan mengikut tema. Ketiga, tema tersebut dibandingkan dengan prinsip *qiwamah* dan ciri Lelaki Qawwam bagi

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 2129-2144

membina interpretasi konseptual. Analisis tidak melibatkan temu bual, soal selidik atau pemerhatian terhadap individu. Oleh itu, dapatan tidak ditafsirkan sebagai bukti prevalens atau hubungan sebab-akibat antara *man-child* dengan perceraian, keganasan rumah tangga atau masalah perkembangan anak.

Konseptualisasi Fenomena *Man-Child* Dan *Peter Pan Syndrome*

Istilah *man-child* mempunyai pertalian dengan *Peter Pan Syndrome* yang diperkenalkan oleh Kiley (1983). Konsep tersebut menggambarkan kecenderungan individu dewasa untuk mengelakkan tuntutan dan tanggungjawab kehidupan dewasa. Dalam konteks artikel ini, *man-child* tidak digunakan sebagai diagnosis klinikal. Sebaliknya, ia merupakan istilah deskriptif bagi pola tingkah laku yang memperlihatkan ketidakmatangan dan defisit kebertanggungjawaban dalam hubungan interpersonal serta fungsi sosial.

Dalam rumah tangga, pola tersebut boleh dikenal pasti melalui tiga dimensi. Pertama, ketidakmatangan emosi merangkumi kesukaran mengurus tekanan, mengelakkan perbincangan, sukar menerima kritikan dan kecenderungan meletakkan kesalahan kepada pihak lain. Kedua, kebergantungan domestik merujuk kepada kegagalan mengurus tugasan harian secara berdikari sehingga pasangan menanggung beban yang tidak seimbang. Ketiga, keculasan kewangan dan kerjaya merangkumi pengurusan pendapatan yang tidak bertanggungjawab, ketidakstabilan usaha ekonomi dan pengabaian keperluan asas keluarga.

Konseptualisasi ini penting supaya perbincangan tidak menyamakan setiap lelaki yang kurang membantu kerja rumah atau mengalami kesukaran emosi sebagai *man-child*. Fokus kajian ialah pola yang berulang dan signifikan sehingga mengganggu fungsi kedewasaan dan tanggungjawab dalam perkahwinan. Dalam konteks pembahagian kerja rumah, ketidakseimbangan bukan hanya melibatkan tugas fizikal tetapi juga beban kognitif seperti merancang, mengatur dan memantau keperluan keluarga. Kajian terkini mengenai *mental load* menunjukkan bahawa penglibatan pasangan lelaki dalam beban kognitif dan emosi rumah tangga mempunyai kaitan dengan kepuasan hubungan (Klein et al., 2026).

Konsep Kepemimpinan (*Qiwamah*) Dan Kebertanggungjawaban Menurut Islam

Dalam struktur kekeluargaan Islam, nilai kepemimpinan diletakkan secara mutlak di bahu suami melalui konsep *qiwamah*. Secara umumnya, *qiwamah* merujuk kepada kepemimpinan dan tanggungjawab lelaki khususnya suami dalam mengurus dan menjaga kehidupan rumah tangga. Dari sudut bahasa, perkataan *qiwamah* membawa makna berdiri teguh, mengurus, memelihara dan mengambil tanggungjawab terhadap sesuatu. Konsep *qiwamah* yang disebutkan ini adalah berdasarkan wahyu Allah SWT dalam Surah al-Nisa' ayat 34:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ وَبِمَا أَنفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ

Maksudnya: *"Kaum lelaki adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian daripada harta mereka."*

Dalam konteks ayat di atas, para ulama telah menggariskan bahawa *qiwamah* bukanlah satu bentuk kekuasaan mutlak atau dominasi yang membenarkan suami bertindak zalim atau

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 2129-2144
mengabaikan pasangannya. Sebaliknya, kepemimpinan ini merupakan satu bentuk amanah yang berat dan tanggungjawab moral kerana *qiwamah* berkait rapat dengan peranan lelaki sebagai pemimpin keluarga yang bertanggungjawab melindungi, memelihara, mendidik dan memenuhi keperluan isteri serta ahli keluarga (Hernawati, 2019; Departemen Agama RI, 2010).

Tanggungjawab kepemimpinan rumahtangga juga ditegaskan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis sahih mengenai amanah kepemimpinan:

أَلَا كُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ... وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ، وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُمْ

Maksudnya: *"Ketahuilah setiap daripada kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan diminta bertanggungjawab atas apa yang dipimpinnya... Seorang lelaki adalah pemimpin di dalam keluarganya dan dia akan ditanya mengenai tanggungjawab di bawah kepimpinannya."* (Riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim).

Hadis tersebut menegaskan bahawa setiap individu ialah pemimpin dan akan dipertanggungjawabkan terhadap apa yang dipimpinnya. Dalam konteks keluarga, suami mempunyai tanggungjawab terhadap ahli rumahnya. Oleh itu, *qiwamah* perlu dilihat sebagai gabungan kedudukan dan amanah. Semakin besar tanggungjawab kepemimpinan, semakin besar tuntutan untuk melaksanakan amanah tersebut dengan adil, berhemah dan berakhlak.

Terdapat beberapa pandangan ulama tafsir mengenai *qiwamah*. Menurut Shihab (2009), menjelaskan bahawa *qiwamah* dalam kehidupan rumah tangga berkaitan dengan peranan suami untuk memimpin, melindungi dan memelihara isteri (Labib & Fajriyaturrohmah, 2023). Kepemimpinan tersebut dikaitkan dengan tanggungjawab suami menyediakan nafkah kepada isteri. Sementara itu, Ibn Manzur memberikan pengertian *qiwamah* yang lebih dekat dengan makna pemeliharaan dan pengurusan iaitu lelaki bertanggungjawab mengurus urusan isterinya, mengambil berat tentang keadaannya dan memenuhi keperluannya. Berdasarkan pandangan ini, *qiwamah* dapat difahami sebagai satu bentuk tanggungjawab untuk memastikan kebajikan dan kemaslahatan keluarga sentiasa terpelihara (Hernawati, 2019).

Menurut Alu Syaikh (2008) dalam kitab tafsir Ibn Kathir, lelaki dilihat sebagai pemimpin dan pendidik kepada wanita termasuk memberikan bimbingan apabila berlaku penyimpangan. Al-Tabari pula mengaitkan *qiwamah* dengan kewajipan lelaki membayar mahar kepada isterinya, menyediakan nafkah dan melindungi keluarga. Begitu juga al-Maraghi yang menekankan tugas lelaki untuk memimpin, melindungi dan memenuhi keperluan wanita. Hal ini menunjukkan bahawa sebahagian besar tafsiran ulama menghubungkan *qiwamah* dengan tanggungjawab material dan perlindungan khususnya kewajipan suami dalam menyediakan keperluan asas keluarga (Hernawati, 2019).

Bagi Quthb (2008) pula, lelaki diberikan tugas untuk memenuhi keperluan keluarganya dan memberikan perlindungan kepada isterinya. Fakhruddin al-Razi, al-Alusi, al-Baghawi, al-Syaukani, Ibn al-Jawzi dan al-Biqa‘i memberikan penekanan yang lebih luas terhadap konsep *qiwamah*. Selain kepemimpinan, mereka mengaitkannya dengan aspek pengurusan, pendidikan, pembelaan, penjagaan kemaslahatan serta bimbingan. Dalam tafsiran ini, lelaki bukan sekadar mempunyai kedudukan sebagai pemimpin, tetapi turut dibebankan dengan tanggungjawab untuk mengurus dan menjaga urusan keluarga. Dengan kata lain, kedudukan kepemimpinan tersebut datang bersama kewajipan yang perlu dilaksanakan (Hernawati, 2019).

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 2129-2144

Kajian ilmiah oleh Zakaria et al. (2023) menggariskan empat elemen utama kebertanggungjawaban yang berasaskan kepada sepuluh ciri amalan beragama di dalam Surah al-Ahzab ayat 35. Empat elemen ini melambangkan kesepaduan prinsip akidah, syariah dan tasawuf (Islam, Iman dan Ihsan) dalam perkahwinan Muslim. Rangka kerja ini merangkumi:

Elemen Ilmu Dan Ketaatan

Tanggungjawab bagi pasangan Muslim adalah untuk mendalami ilmu fardu ain (akidah, fiqh dan tasawuf) serta melaksanakan ketaatan yang disyariatkan secara konsisten.

Elemen Pergaulan Yang Baik (Husn Al-Mu'asyarah)

Pasangan suami isteri juga bertanggungjawab untuk mengamalkan komunikasi berkesan, bersikap dengan sikap yang baik seperti tolong-menolong, menyembunyikan aib pasangan, bersabar dan merendah diri dalam mengurus konflik rumahtangga. Para mufassir seperti al-Tabari mentafsirkan bergaul dengan cara yang baik adalah memperlakukan pasangan dengan akhlak yang baik yang bersesuaian dengan perintah Allah SWT. Ibn Kathir pula menyebut pergaulan yang baik adalah dengan memperelokkan percakapan dan tingkah laku kepada pasangan, tidak menyakitinya, bersikap kasihan dan tidak mempersulitkan nafkahnya (Musthapar, N. F., & Ahmad, B., 2022).

Elemen Nafkah

Suami bertanggungjawab dalam menyediakan keperluan material iaitu nafkah zahir kepada isteri dan anak-anak seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Suami juga bertanggungjawab memberikan nafkah batin kepada isteri seperti perhatian emosi, kasih sayang dan hubungan seksual. Md Zawawi & Wan Ab. Rahman Khudzri (2008) menjelaskan keperluan batin isteri adalah satu bentuk pergaulan suami isteri yang baik bagi memelihara kesucian dan nama baik isterinya.

Elemen Menjaga Kehormatan:

Pasangan Muslim bertanggungjawab dalam memelihara kemuliaan diri dan nama baik pasangan, menjaga batas aurat, menghindari pergaulan bebas (*ikhtilat*) serta melindungi keselamatan fizikal dan rohani keluarga.

Kesimpulannya, pandangan para ulama terhadap konsep *qiwamah* menunjukkan bahawa konsep ini mempunyai dua unsur yang saling berkaitan iaitu kepemimpinan dan tanggungjawab. *Qiwamah* tidak hanya menggambarkan kedudukan lelaki sebagai ketua dalam keluarga, tetapi juga bertanggungjawab untuk melindungi, menyediakan nafkah, mendidik, membimbing, mengurus dan memastikan kebajikan keluarga terpelihara. Walaupun terdapat perbezaan dalam keluasan tafsiran para mufassir, keseluruhannya menunjukkan bahawa *qiwamah* berkait dengan usaha menjaga kemaslahatan keluarga dan melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada lelaki. Justeru, *qiwamah* lebih tepat difahami sebagai kepemimpinan yang disertai amanah dan tanggungjawab, bukannya semata-mata kuasa atau keistimewaan terhadap wanita (Hernawati, 2019).

Kegagalan untuk menerapkan *qiwamah* sering menjadi penyebab utama konflik domestik dalam konteks perceraian. Ketidakstabilan terjadi dalam hubungan suami isteri karena suami

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 2129-2144

tidak dapat melaksanakan tugas kepemimpinannya terutama dalam hal membuat keputusan dan menyediakan nafkah (Janati, Pane & Amrullah, 2026; Mormin & Basiron, 2021). Dengan demikian, pola *man-child* mempunyai pertentangan konseptual dengan tuntutan *qiwamah* apabila ketidakmatangan tersebut menyebabkan pengelakan tanggungjawab, kebergantungan yang berlebihan, kecuaian nafkah atau kegagalan menjalankan fungsi kepemimpinan secara bertanggungjawab.

Implikasi Isu *Man-Child* Terhadap Keharmonian Rumah Tangga

Fenomena *man-child* dalam rumah tangga akan menyebabkan runtuh asas *qiwamah* apabila suami bersikap acuh tidak acuh terhadap tanggungjawab, menunjukkan sikap kebudak-budakan dan melepaskan kepemimpinan keluarga kepada isteri. Antara implikasi isu ini terhadap keharmonian rumahtangga ialah:

Ketidakseimbangan Tanggungjawab, Nafkah Dan Kerentanan Ekonomi

Nafkah merupakan antara tanggungjawab utama suami dalam keluarga. Kewajipan tersebut meliputi penyediaan makanan, pakaian, tempat tinggal dan keperluan asas mengikut kemampuan ekonomi suami. Ini disandarkan kepada firman Allah SWT dalam Surah al-Talaq ayat 7 yang menyatakan agar suami memberikan nafkah mengikut kadar kemampuannya. Apabila seorang suami berulang kali mengabaikan keperluan material keluarga sedangkan mempunyai kemampuan untuk berusaha, beban ekonomi boleh beralih secara tidak seimbang kepada isteri.

Islam membenarkan isteri bekerja dan menyumbang kepada ekonomi keluarga, tetapi sumbangan tersebut tidak dengan sendirinya menggugurkan kewajipan nafkah suami.Tindakan meninggalkan pemberian nafkah tanpa sebab munasabah bukan sahaja menjejaskan kelangsungan hidup isteri dan anak-anak, malah dikira sebagai suatu dosa besar di sisi syarak, bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW:

كَفَى بِالْمَرْءِ إِثْمًا أَنْ يُضَيِّعَ مَنْ يَقُوتُ

Maksudnya: *"Cukuplah seorang lelaki itu dikira berdosa apabila dia mengabaikan tanggungjawabnya ke atas sesiapa yang berada di bawah penjagaannya (tanggungannya)."* (Riwayat Imam Muslim dan Imam Nasa`i).

Data dari Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM) menunjukkan bahawa kategori 'Tidak Bertanggungjawab' merupakan antara punca aduan rumah tangga yang tinggi bagi tempoh 2018–2022. Data ini berguna sebagai konteks sosial tetapi tidak boleh digunakan untuk membuktikan bahawa semua aduan tersebut berpunca daripada *man-child*. Sebaliknya, ia menguatkan kepentingan mengkaji kebertanggungjawaban sebagai salah satu unsur penting dalam kestabilan rumah tangga (Zakaria et al., 2023).

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 2129-2144

Jadual 1: Statistik Punca Aduan Runding Cara Rumahtangga Berdasarkan SPPIM JAKIM (2018-2022)

Punca Aduan	2018	2019	2020	2021	2022	Jumlah
Masalah Akhlak / Sosial	34,744	39,425	24,327	40,661	55,775	194,932
Tidak Bertanggungjawab	27,901	23,889	12,554	24,768	37,523	126,635
Masalah Komunikasi	10,009	9,227	6,470	11,732	17,091	54,529
Kurang Penghayatan Agama	4,554	4,650	2,488	3,320	5,447	20,459
Masalah Ekonomi	1,728	2,110	1,445	1,430	2,303	9,016

Slumber: Data yang dilaporkan dalam manuskrip asal berdasarkan SPPIM JAKIM.

Data tersebut menunjukkan ketidakstabilan sosioekonomi moden sememangnya mempengaruhi kebahagiaan rumahtangga. Apabila ekonomi keluarga tidak stabil, kebimbangan dan tekanan jiwa akan meningkat dalam diri pasangan. Isteri yang bekerja kerap berkongsi pendapatan dengan suami untuk menampung perbelanjaan keluarga (Azhar, Raihanah & Khairul, 2016). Namun, jika suami *man-child* bersikap culas dan mengambil kesempatan atas sumbangan isteri tanpa berusaha keras mencari rezeki, ia berpotensi menimbulkan krisis rumahtangga dan membawa kepada tuntutan fasakh di Mahkamah Syariah.

Beban Psikososial Pasangan Dan Ketidakseimbangan Kerja Rumah

Apabila pasangan terpaksa mengambil alih tugas domestik, pengurusan anak, perancangan kewangan dan penyelesaian masalah keluarga secara berlebihan, hubungan suami isteri boleh mengalami ketidakseimbangan peranan. Beban ini bukan sahaja bersifat fizikal tetapi turut merangkumi *mental load*, iaitu proses kognitif dan emosi untuk merancang, mengatur dan memantau kehidupan keluarga. Kajian tentang pembahagian *mental load* menunjukkan bahawa penglibatan pasangan lelaki dalam beban kognitif dan emosi berkait dengan kepuasan hubungan wanita (Klein et al., 2026). Dalam konteks *man-child*, keadaan ini membantu menjelaskan mengapa kebergantungan domestik yang berpanjangan boleh menjejaskan kualiti hubungan. Hubungan perkahwinan yang sepatutnya menjadi tempat berkasih sayang bertukar menjadi hubungan satu hala yang meletihkan di mana isteri terpaksa melayani dan menguruskan suaminya ibarat seorang ibu menjaga anak kecilnya yang tidak matang (Sutriyanti, Dewinta Afdellyn, Sitepu & Sari, 2026).

Walau bagaimanapun, kajian ini tidak mengukur *burnout* dalam kalangan isteri. Oleh itu, artikel ini menggunakan istilah tekanan psikososial atau beban emosi sebagai implikasi yang berpotensi, bukannya membuat kesimpulan klinikal bahawa semua pasangan kepada lelaki yang menunjukkan pola *man-child* akan mengalami *burnout.*

Konflik Rumah Tangga

Ketidakmatangan emosi boleh menyukarkan pengurusan konflik dan komunikasi pasangan. Dalam keadaan tertentu, pola seperti mengelak konflik, menyalahkan pasangan atau kegagalan mengawal kemarahan boleh memperburuk ketegangan rumah tangga. Ego lelaki yang tercabar akibat ketidakmampuan memimpin keluarga dari sudut ekonomi atau sosial kerap kali diterjemahkan kepada tingkah laku agresif dan panas baran. Statistik kes keganasan rumahtangga di Malaysia pada tahun 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 2129-2144

Masyarakat (JKM) mendedahkan pelaku keganasan rumahtangga didominasi oleh kaum lelaki iaitu sebanyak 1,157 kes daripada jumlah keseluruhan 1,234 kes yang direkodkan (JAKIM, 2023). Statistik aduan kekeluargaan menerusi SPPIM dari tahun 2020 hingga 2022 turut menunjukkan kaum wanita merupakan golongan majoriti membuat aduan runding cara iaitu sebanyak 9,824 kes berbanding kaum lelaki yang hanya mencatatkan 4,147 kes aduan (JAKIM, 2023). Aduan isteri melibatkan kecuaian pemberian nafkah, keganasan fizikal (dipukul atau dicekik) serta penderaan emosi.

Namun demikian, kajian ini tidak mempunyai data empirikal untuk menyatakan bahawa *man-child* menyebabkan keganasan rumah tangga. Statistik keganasan hanya wajar digunakan untuk menunjukkan bahawa perlindungan pasangan dan pengurusan konflik merupakan isu yang memerlukan perhatian, bukan sebagai bukti hubungan sebab-akibat.

Fungsi Bapa Dan Perkembangan Anak-Anak

Peranan bapa dalam keluarga tidak terbatas kepada penyediaan kewangan. Penglibatan bapa turut merangkumi interaksi, penjagaan, bimbingan, permainan dan sokongan emosi. Penglibatan bapa berkait dengan kesejahteraan keluarga dan perkembangan positif kanak-kanak, walaupun hubungan tersebut dipengaruhi oleh faktor sosial dan budaya (Diniz et al., 2021). Kajian lain turut menunjukkan kaitan penglibatan bapa dengan perkembangan kognitif kanak-kanak (Rollè et al., 2019). Dalam Islam, bapa mempunyai peranan yang sangat penting sebagai *qudwah* dan *uswah* (suri teladan yang baik) dalam membentuk keperibadian anak-anak (JAKIM, 2023). Hal ini menjelaskan penglibatan bapa merupakan salah satu komponen penting dalam ekologi perkembangan anak. Oleh itu, kehilangan interaksi yang berkualiti bersama bapa sejak awal usia boleh menurunkan perkembangan kecerdasan rohani dan kompetensi mental kanak-kanak. Sehubungan itu, suami yang gagal berfungsi sebagai bapa yang hadir, bertanggungjawab dan membimbing berpotensi mengurangkan peluang anak memperoleh interaksi berkualiti.

Inisiatif Lelaki Qawwam sebagai Kerangka Pemerkasaan

JAKIM melancarkan Dokumen Inisiatif Lelaki Qawwam (ILQ) pada 25 Oktober 2022. Dokumen tersebut bertujuan memperkukuh tanggungjawab dan peranan lelaki dalam mentadbir diri, keluarga, organisasi dan masyarakat serta mengangkat tujuh ciri utama iaitu adil, perkasa, amanah, wibawa, tekad, penyantun dan futuristik (JAKIM, 2022). JAKIM kemudiannya menyediakan bahan dan panduan berkaitan ILQ sebagai sebahagian daripada usaha pemerkasaan peranan lelaki dalam keluarga (JAKIM, 2023).

Dalam konteks artikel ini, nilai tambah ILQ terletak pada potensinya sebagai kerangka pemerkasaan yang boleh dipetakan secara langsung dengan manifestasi *man-child*. Pemetaan tersebut tidak bermaksud ILQ ialah rawatan kepada *Peter Pan Syndrome*. Sebaliknya, ia menawarkan orientasi nilai dan kompetensi yang boleh membantu mengukuhkan tanggungjawab lelaki sebelum dan selepas perkahwinan.

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 2129-2144

Jadual 2. Pemetaan konseptual manifestasi *man-child* dengan ciri Lelaki *Qawwam.*

Manifestasi *Man-Child*	Ciri Lelaki *Qawwam*	Arah Pemerkasaan
Pengelakan tanggungjawab	Amanah, Tekad	Membina komitmen dan disiplin melaksanakan amanah keluarga.
Ketidakmatangan emosi	Perkasa, Penyantun	Mengukuhkan kawalan emosi, empati dan komunikasi berhemah.
Kebergantungan domestik	Wibawa, Amanah	Meningkatkan keupayaan mengurus kehidupan dan tugas rumah tangga.
Kecuaian nafkah	Adil, Amanah	Mengutamakan keperluan keluarga dan pengurusan kewangan bertanggungjawab.
Tiada perancangan keluarga	Futuristik	Membina perancangan kewangan, pendidikan dan kebajikan keluarga.
Kelemahan kepemimpinan	Wibawa, Perkasa	Membangunkan keupayaan membuat keputusan dan membimbing keluarga.

Sumber: Analisis terhadap konseptual manifestasi man-child dangan tujuh ciri utama lelaki Qawwam dari dokumen rasmi JAKIM (2023)

Pemerkasaan Jati Diri Melalui Tiga Teras Utama

Pembinaan peribadi Lelaki Qawwam didasarkan kepada kesepaduan tiga teras utama dalam ajaran Islam iaitu:

Teras Akidah: Memantapkan pegangan akidah yang benar berlandaskan keimanan kepada Allah SWT. Keyakinan yang jitu terhadap hari akhirat akan melahirkan rasa takut untuk mengabaikan amanah serta meyakini bahawa setiap peranan bapa dan suami pasti akan dihitung di padang mahsyar kelak. Teras ini membina kesedaran bahawa peranan suami dan bapa merupakan amanah yang dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT.

Teras Syariah: Melatih kaum lelaki untuk menjalani kehidupan harian dengan berpegang teguh pada tuntutan syariat Islam, melaksanakan ibadah wajib seperti solat lima waktu secara konsisten serta memahami hukum-hakam perkahwinan. Teras ini memperkukuh pengetahuan dan amalan berkaitan hak serta tanggungjawab perkahwinan, nafkah, ibadah dan kehidupan keluarga.

Teras Akhlak: Menghiasi diri dengan sifat-sifat mulia (*mahmudah*) seperti lemah lembut, bersikap ihsan, pemaaf dan penyantun supaya dapat menjadi suri teladan (*qudwah hasanah*) yang dihormati oleh isteri dan anak-anak.

Ketiga-tiga teras ini menunjukkan bahawa penyelesaian isu *man-child* tidak memadai melalui pendekatan ekonomi semata-mata. Pemerkasaan perlu melibatkan pembentukan dalaman, pengetahuan hukum dan perubahan tingkah laku. Pendekatan ini selari dengan matlamat ILQ yang menekankan pemerkasaan peranan lelaki secara lebih menyeluruh (JAKIM, 2022; JAKIM, 2023).

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 2129-2144

Menghayati Tujuh Ciri Lelaki Qawwam

Dokumen rasmi JAKIM (2023) menggariskan tujuh ciri utama yang wajib ada dalam diri setiap lelaki yang bergelar ketua keluarga bagi memulihkan diri daripada sindrom ketidakmatangan emosi dan sosial iaitu:

- Adil: Sentiasa saksama dalam menunaikan hak-hak isteri, anak-anak dan masyarakat bagi melindungi kemuliaan insan.
- Perkasa: Memiliki kekuatan jasmani, rohani, emosi dan aqli untuk memikul bebanan keluarga serta mengharungi cabaran hidup.
- Amanah: Memiliki sifat berintegriti dan boleh dipercayai dalam melaksanakan segala tugasan domestik, kewangan dan hubungan kekeluargaan.
- Wibawa: Mempunyai kepakaran dan keupayaan tinggi dalam membimbing, mentadbir serta menguruskan urusan rumahtangga.
- Tekad: Bersungguh-sungguh dan bertekad kuat dalam memelihara akidah, kebajikan dan keselamatan ahli keluarga.
- Penyantun: Bersikap cakna, prihatin dan berlemah lembut dalam menyantuni masalah emosi atau fizikal anak isteri.
- Futuristik: Sentiasa berwawasan, berpandangan jauh serta mempunyai perancangan masa depan rumahtangga yang jelas.

Mekanisme Sokongan Undang-Undang dan Sosioekonomi di Malaysia

Pemerkasaan lelaki perlu berjalan seiring dengan mekanisme sokongan keluarga. Dalam konteks Malaysia, pendidikan praperkahwinan merupakan salah satu ruang untuk menyampaikan pengetahuan tentang hak dan tanggungjawab pasangan. Setiap bakal pengantin diwajibkan untuk mengikuti Kursus Pra-Perkahwinan Islam yang diselia menggunakan Modul Bersepadu Kursus Pra-Perkahwinan Islam (MBKPPI) oleh JAKIM. Modul ini membekalkan ilmu fardu ain serta kefahaman mengenai hak dan tanggungjawab selepas perkahwinan (Ruhil Hayati, 2011). JAKIM juga telah menekankan penggunaan ILQ dalam pengukuhan kandungan kursus praperkahwinan dan pascaperkahwinan supaya lelaki memahami peranan sebagai ketua keluarga yang memimpin, menjaga dan bertanggungjawab terhadap keluarga (JAKIM, 2023).

Selain pendidikan, institusi sokongan undang-undang dan kehakiman syariah penting bagi menangani pengabaian nafkah dan konflik yang telah menjadi serius. Bahagian Sokongan Keluarga di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia memainkan peranan dalam membantu penguatkuasaan perintah nafkah. Kerajaan telah menubuhkan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) pada 7 Jun 2007 (Zakaria et al., 2023). BSK berperanan membantu isteri mendapatkan nafkah tertunggak melalui mekanisme penguatkuasaan undang-undang, bantuan kewangan kecemasan menerusi Majlis Agama Islam Negeri serta pemantauan perintah mahkamah secara ketat.

Pada masa yang sama, kerangka perundangan berkaitan keganasan rumah tangga berfungsi melindungi mangsa apabila berlaku tindakan yang mengancam keselamatan dari sudut pergaulan dan perlindungan fizikal, Akta Keganasan Rumah Tangga (AKRT) 1994 yang telah dipinda pada tahun 2012 dan terkini 2017 bertindak sebagai instrumen undang-undang persekutuan yang ampuh bagi melindungi mangsa keganasan (fizikal, emosi, mental atau

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 2129-2144
kewangan) daripada tindakan agresif pasangan yang tidak matang (Aspalella, A. R., Nazli, M., Che Thalbi, I., & Asmar, A. R., 2020).

Pendekatan sokongan perlu dibezakan mengikut tahap masalah. Pencegahan boleh dilaksanakan melalui pendidikan agama dan praperkahwinan; pemerkasaan melalui latihan kemahiran emosi, komunikasi dan pengurusan keluarga; manakala kes yang melibatkan keganasan, pengabaian nafkah serius atau masalah psikologi memerlukan rujukan kepada agensi dan profesional yang sesuai.

Perbincangan dan Sumbangan Kajian

Perbincangan kajian menunjukkan bahawa isu *man-child* lebih tepat dilihat sebagai masalah ketidak selarasan antara tuntutan kedewasaan dan pelaksanaan tanggungjawab keluarga. Dalam konteks Islam, isu tersebut menjadi lebih jelas melalui konsep *qiwamah* yang menggabungkan kepemimpinan dengan amanah. Oleh itu, kelemahan emosi, kebergantungan domestik dan kecuaian nafkah bukan sekadar kelemahan peribadi, tetapi boleh memberi kesan kepada pelaksanaan peranan suami dan bapa.

Sumbangan utama kajian ialah membina hubungan konseptual antara tiga wacana yang sering dibincangkan secara berasingan: *man-child, qiwamah* dan Lelaki Qawwam. Pemetaan yang dicadangkan menunjukkan bahawa ciri ILQ boleh dijadikan bahasa pemerkasaan untuk mengatasi defisit kebertanggungjawaban. Misalnya, pengelakan tanggungjawab boleh dipertautkan dengan amanah dan tekad; kelemahan emosi dengan perkasa dan penyantun; manakala kecuaian kewangan dengan adil dan amanah.

Namun begitu, sumbangan kajian ini bersifat konseptual. Kajian ini tidak menguji keberkesanan ILQ dalam mengubah tingkah laku lelaki dan tidak menentukan kadar *man-child* dalam populasi Muslim Malaysia. Justeru, cadangan ILQ sebagai kerangka penyelesaian perlu diuji melalui kajian empirikal pada masa hadapan, termasuk kajian sebelum dan selepas intervensi, kajian kualitatif terhadap pengalaman pasangan dan penilaian keberkesanan modul pemerkasaan.

Kesimpulan

Fenomena *man-child* dalam rumah tangga boleh difahami sebagai pola ketidakmatangan lelaki dewasa yang memperlihatkan defisit kebertanggungjawaban dalam aspek emosi, domestik dan kewangan. Dalam perspektif Islam, pola tersebut berpotensi bercanggah dengan tuntutan *qiwamah* apabila suami gagal melaksanakan amanah kepemimpinan, nafkah, perlindungan, pendidikan dan *husn al-mu'asyarah*. Implikasi yang berpotensi timbul bukan sahaja melibatkan pasangan, tetapi juga fungsi keluarga dan pengalaman perkembangan anak-anak.

Inisiatif Lelaki Qawwam JAKIM menawarkan kerangka yang relevan untuk memperkukuh peranan lelaki melalui nilai akidah, syariah dan akhlak serta tujuh ciri adil, perkasa, amanah, wibawa, tekad, penyantun dan futuristik. Walaupun ILQ tidak boleh dianggap sebagai rawatan klinikal kepada Peter Pan Syndrome, kerangka tersebut berpotensi menjadi asas pendidikan dan pemerkasaan peranan lelaki dalam keluarga Muslim. Pada masa yang sama, usaha menangani isu ini perlu melibatkan pendidikan, sokongan sosial, penguatkuasaan hak keluarga dan rujukan profesional apabila diperlukan.

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 2129-2144

Secara keseluruhannya, pengukuhan *qiwamah* perlu difahami sebagai pengukuhan amanah, bukan pengukuhan dominasi. Justeru, lelaki yang *qawwam* ialah lelaki yang mampu mengurus diri, melaksanakan tanggungjawab, menjaga kebajikan keluarga, berinteraksi dengan ihsan dan merancang masa depan keluarga secara bertanggungjawab.

Penghargaan:	Penulis merakamkan penghargaan kepada Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Malaysia atas peluang dan sokongan penyelidikan yang diberikan sepanjang pelaksanaan kajian ini dijalankan di bawah Tabung Penyelidikan Am.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini menerima sokongan kewangan daripada Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Malaysia.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International International Journal of Education, Psychology and Counseling (IJEPC).
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. [Siti Aisyah Yusof & Muhammad Saiful Islami Mohd Taher] bertanggungjawab terhadap pengkonsepan, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. [Siti Aisyah Yusof & Muhammad Saiful Islami Mohd Taher] mengendalikan pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. [Sakinatul Raadiyah Abdullah, Ahmad Yumni Abu Bakar & Norhasnira Ibrahim] menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan
Pengisytiharan Penggunaan Kecerdasan Buatan (AI)	"Penulis mengisytiharkan bahawa kecerdasan buatan (AI) generatif atau teknologi berbantukan AI telah digunakan semasa penyediaan manuskrip ini. Alat/perisian AI berikut telah digunakan: [Google Scholar, Gemini, Chatgpt]. Alat/perisian tersebut digunakan untuk [membuat pencarian data dan rujukan yang berkaitan tajuk, analisis data yang berkaitan]. Semua kandungan yang dihasilkan atau dibantu oleh AI telah disemak dan disahkan oleh penulis. Penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap ketepatan, keaslian, integriti dan kandungan akhir manuskrip ini."

Rujukan

Al-Khin, M., Al-Bugha, M., & Asy-Syarbaji, A. (2005). *Kitab fikah mazhab Syafie* (A. Ismail & M. A. Hashim, Trans.; Vol. 4). Pustaka Salam.

Alu Syaikh, ‘Abdullah bin Muhammad bin ‘Abdurrahman bin Ishaq. (2008). *Tafsir Ibnu Katsir* (Jilid 2, M. ‘Abdul Ghoffar E. M., Trans.). Pustaka Imam Asy-Syafi‘i.

Aspalella, A. R., Nazli, M., Che Thalbi, I., & Asmar, A. R. (2020). Perkembangan terkini undang-undang keganasan rumahtangga di Malaysia. In *International Seminar on Regional Politics, Administration and Development 2020 (INSORPAD 2020)* (pp. 56–67). https://www.researchgate.net/publication/346974251_Perkembangan_Terkini_Undang-Undang_Keganasan_Rumahtangga_di_Malaysia/citations

Azhar, A. A., Raihanah, H. A., & Khairul, F. M. S. (2016). Perkongsian Pendapatan Suami Isteri dalam Keluarga Islam dan Impak kepada Kualiti Hidup. Journal of Contemporary Islamic Studies, 2(1), 34-45. https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/16528/

Basmeih, A. M. (2001). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Quran (30 juzuk)* (12th ed.). Darulfikir.

Departemen Agama RI. (2010). *Al-Qur’an dan tafsirnya (Edisi yang disempurnakan)*. Lentera Abadi.

Diniz, E., Brandão, T., Monteiro, L., & Veríssimo, M. (2021). Father involvement during early childhood: A systematic review of the literature. Journal of Family Theory & Review, 13(1), 77–99. https://doi.org/10.1111/jftr.12410

Hernawati, R. (2019). *Makna qiwamah dalam Al-Quran (Perspektif Khaled M. Abou El-Fadl)* [Undergraduate thesis, Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung]. UIN Raden Intan Lampung Repository. https://repository.radenintan.ac.id/8557/1/skripsi.pdf

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). (2025). *Perangkaan Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk, Malaysia, 2025*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia. Retrieved from DOSM Portal.

JAKIM. (2023). *Inisiatif Lelaki Qawwam (ILQ)*. Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. https://www.islam.gov.my/ms/garis-panduan/3801-inisiatif-lelaki-qawwam-ilq

Janati, A. P., Pane, E., & Amrullah, M. D. F. (2026). Fenomena perceraian dini pada masyarakat modern: Perspektif nilai qiwamah dan sakinah dalam rumah tangga Muslim. *Kartika: Jurnal Studi Keislaman, 6*(2), 2062–2078. https://doi.org/10.59240/kjsk.v6i2.748

Kiley, D. (1983). *The Peter Pan syndrome: Men who have never grown up*. Dodd, Mead.

Klein, V., Aşçıgil, E., Oschatz, T., & Kahalon, R. (2026). Unequal burdens, unequal benefits: Housework, mental load, and gendered satisfaction in heterosexual relationships. Personality and Social Psychology Bulletin. https://doi.org/10.1177/01461672261474320

Labib, M. A. D. I., & Fajriyaturrohmah. (2023). A study of the concept of qiwamah in Surah Al-Nisa’ (4): 34 from the perspectives of Kecia Ali and Khaled M. Abou El-Fadl. *Al-Basirah Journal, 13*(2). https://doi.org/10.22452/basirah.vol13no2.5

Md Zawawi, A. B., & Wan Ab. Rahman Khudzri, W. A. (2008). Hak suami isteri dalam perkahwinan Islam: Analisis menurut fiqh. *REKAYASA—Journal of Ethics, Legal and Governance, 4*, 35–52. https://e-journal.uum.edu.my/index.php/jgd/article/download/14025/3185

Mormin, R., & Basiron, B. (2021). Pendidikan kekeluargaan Islam berhadapan dengan isu dan cabaran krisis rumahtangga. In *Proceeding International Seminar on Islamic Education*

and Peace (Vol. 1, pp. 431–442). https://ejournal.uniramalang.ac.id/isiep/article/download/1331/800/5646

Musthapar, N. F., & Ahmad, B. (2022). Isu-isu perhubungan suami isteri dalam keluarga Islam di Malaysia: Analisis literatur. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 5*(1), 98–113. https://bitarajournal.com/bitarajournal/article/download/283/573

Quthb, S. (2008). *Fi Zhilalil-Qur'an* (Jilid 2; A. Yasin, A. A. S. Basyarahil, & M. Hamzah, Trans.). Gema Insani.

Rollè, L., Gullotta, G., Trombetta, G., Curti, L., Gerino, E., Brustia, P., & Caldarera, A. M. (2019). Father involvement and cognitive development in early and middle childhood: A systematic review. Frontiers in Psychology, 10, 2405. https://doi.org/10.3389/fpsyg.2019.02405

Ruhil Hayati. (2011). *Modul kursus pra perkahwinan Islam: Kajian terhadap keberkesanannya di Jabatan Agama Islam Negeri Perak Darul Ridzuan* [Master's thesis, Universiti Malaya]. https://knova.um.edu.my/student_works_2010s/696/

Shihab, M. Q. (2009). *Tafsir Al-Mishbah: Pesan, kesan dan keserasian Al-Qur'an* (Jilid 2). Lentera Hati.

Sulaiman, M. F. & Nasohah, Z. (2023). Sorotan literatur punca perceraian awal perkahwinan di Malaysia. *Bitara International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, *6*(4), 28–39. https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/417

Sutriyanti, Dewinta Afdellyn, L. C., Sitepu, Q. N., & Sari, Y. (2026). Analysis of Critical Discourse on Gender Equality on Instagram Content @Konde.co. Wasilatuna : Jurnal Komunikasi dan Penyiaran Islam,9 (SpecialEdition 1), 103–119. https://ejournal.uiidalwa.ac.id/index.php/wasilatuna/article/view/4369

Zakaria, N. D., Azahari, R., & Ahmad, B. (2023). Elemen kebertanggungjawaban rumah tangga menurut perspektif Islam. *Jurnal Fiqh, 20*(2), 165–210. https://doi.org/10.22452/fiqh.vol20no2.1